

03/07/2004

Hanya perwakilan mansuh sistem kuota: Pak Lah

By Ridzuan Yop

SUBANG: Sistem kuota dalam proses pencalonan pucuk pimpinan Umno adalah keputusan Perhimpunan Agung Umno dan hanya perwakilan yang dapat menentukan sama ada ia mahu dimansuhkan atau sebaliknya, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sehubungan itu, Perdana Menteri yang juga Pemangku Presiden Umno berkata, tiada sesiapa termasuk beliau sendiri dapat memansuhkan sistem kuota pencalonan dalam proses pemilihan itu.

"Itu adalah keputusan yang dibuat pada perhimpunan agung dan bukan Majlis Tertinggi (MT). Bukan saya boleh pandai-pandai langgar keputusan yang dibuat dan saya sendiri sudah melalui perkara itu (sistem kuota pencalonan)," katanya.

Beliau menjawab soalan pemberita setibanya dari Jeddah dalam rangka lawatan selama tiga hari ke Arab Saudi bermula 29 Jun lalu, di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), di sini semalam.

Kelmarin, Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah menggesa supaya sistem kuota pencalonan bagi semua jawatan dalam parti dimansuhkan bagi memastikan proses pemilihan dapat diadakan secara telus dan demokratik.

Beliau yang juga Ahli Tertinggi MT berkata, langkah Umno yang melaksanakan demokrasi secara bersyarat termasuk melarang calon berkempen adalah tidak wajar kerana ia boleh menghalang usaha parti untuk membawa masuk orang baru yang berbakat dalam barisan kepimpinannya.

Kenyataan Razaleigh itu, ditambah dengan laporan sebelum ini yang menyatakan kesediaannya untuk bertanding jawatan tertinggi parti jika ada pencalonan, menguatkan spekulasi bahawa beliau akan mencabar Abdullah untuk jawatan Presiden Umno atau Datuk Seri Najib Razak bagi kerusi Timbalan Presiden.

Bagaimanapun, bertanding bagi jawatan tertinggi Umno bukan perkara baru bagi Razaleigh. Beliau pernah bertanding untuk jawatan Timbalan Presiden pada 1981 dan 1984 tetapi tewas kedua-dua kepada Tan Sri Musa Hitam.

Malah pada 1987, beliau mencabar Tun Dr Mahathir Mohamad untuk jawatan Presiden Umno tetapi tewas sebelum menubuhkan Parti Semangat 46 yang bertanding pada pilihan raya umum 1990 dan 1995.

Selepas sokongan rakyat terhadap Semangat 46 semakin menurun, pada 1997, Razaleigh membubarkannya dan mengetuai ahli parti itu kembali ke pangkuan Umno. Pada tahun 2000, penyokong Razaleigh cuba mencalonkannya untuk dua jawatan tertinggi parti tetapi gagal kerana hanya mendapat satu pencalonan bagi kerusi Presiden dan dua untuk jawatan Timbalan Presiden.

Sistem kuota diperkenalkan selepas pertandingan sengit dalam pemilihan Umno 1987 sehingga Umno dibatalkan pada 1988.

Ia bagi mengelak keadaan di mana seseorang calon mendapat undi yang tidak mencerminkan pencalonan dari bahagian dan mencegah amalan politik wang.

Mengikut sistem itu, mereka yang ingin bertanding jawatan Presiden perlu mendapat 30 peratus pencalonan daripada semua bahagian Umno, Timbalan Presiden (20 peratus), Naib Presiden (10 peratus) dan ahli MT (lima peratus).

Ini bermakna, mereka yang mahu bertanding jawatan presiden perlu mendapat sekurang-kurangnya 58 pencalonan daripada 191 bahagian Umno, 39 pencalonan bagi timbalan presiden, 20 untuk naib presiden dan 10 bagi kerusi MT.

Jawatan Ketua Pemuda dan Wanita pula memerlukan sokongan 20 peratus bahagian, Naib Ketua kedua-dua pergerakan itu (15 peratus) manakala jawatan exco pula lima peratus dan dua pencalonan bagi sebarang jawatan dalam Puteri.

(END)